

KAJIAN KES: PENGUPAYAAN WARDEN DALAM TATA CARA PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA DI NEGERI SEMBILAN

**Kamarulshahrizat Muhamad Razali^{*}, Khalip Musa, Muhamad Zahir Abu Bakar,
Abg Mohd Shukri Abg Muis**

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

**Corresponding email: ejatcmis@gmail.com*

Published: 11 November 2024

To cite this article (APA): Muhamad Razali, K., Musa, K., Abu Bakar, M. Z., & Abg Muis, A. M. S. (2024). Kajian Kes: Pengupayaan Warden dalam Tata Cara Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Berasrama di Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 89–100. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.9.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.9.2024>

ABSTRAK

Warden asrama di sekolah terdiri daripada kalangan guru atau kakitangan sekolah yang turut berperanan untuk menjaga pelajar di asrama. Mereka harus memastikan disiplin dan kebajikan pelajar di asrama berada didalam keadaan yang baik. Tugas warden ini amat mencabar kerana disamping menguruskan tugas hakiki di sekolah seperti mengajar dan pengurusan, mereka juga turut terlibat untuk memastikan keselamatan pelajar ketika berada didalam asrama. Oleh itu, warden seharusnya diberikan pengetahuan berkaitan pengurusan pelajar di asrama serta diberikan pengupayaan kepada mereka agar mereka dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik dan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat rintis tentang pengupayaan warden dan tata cara pengurusan disiplin pelajar di asrama disamping mendapatkan maklumat tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh warden dalam menguruskan disiplin pelajar di asrama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan instrumen protokol temu bual untuk menemubual dua orang warden daripada sebuah Sekolah berasrama di Negeri Sembilan disamping memperoleh maklumat yang diperlukan melalui dapatan daripada kajian perpustakaan. Dapatan kajian dianalisis secara manual untuk menghasilkan tema-tema yang menjawab kepada persoalan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa warden memerlukan panduan untuk memastikan proses pengupayaan kepada mereka agar dapat melaksanakan tindakan sepatutnya ketika berhadapan dengan cabaran-cabaran pengurusan diasrama. Berdasarkan dapatan-dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa elemen pengupayaan warden dalam tata cara pengurusan disiplin pelajar di asrama amat penting bagi memastikan warden dapat menjalankan tugas dengan berkesan serta melahirkan pelajar yang berdisiplin dan berwatak cemerlang.

Kata kunci: Pengupayaan guru, Warden, Sekolah Berasrama, Pengurusan asrama

PENGENALAN

Warden asrama merupakan kumpulan yang bertanggung jawab untuk memastikan disiplin pelajar di asrama dipatuhi. Disamping itu juga, warden harus memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terjaga. Kebanyakan dari pada warden adalah terdiri dari kalangan guru sendiri walaupun terdapat juga warden yang ambil dari kaki tangan sekolah seperti pembantu makmal dan pembantu teknikal sekolah. Warden mempunyai tanggung jawab yang besar agar memastikan kehidupan pelajar di asrama berada dalam keadaan memuaskan kerana ia akan memberi kesan kepada sahsiah dan tingkah laku pelajar tersebut (Shazlin & Hanafi, 2022). Sebagai pengganti ibu bapa pelajar di sekolah, warden harus memastikan tahap keselamatan dan keselesaan pelajar di asrama berada dalam keadaan baik (Aurdie & Jamalul Lail, 2020). Mereka bekerja dalam tempoh masa 12 jam setiap kali menjadi warden bertugas dan harus bermalam di sekolah. Adakalanya akan berlaku masalah-masalah yang berlaku di asrama yang memerlukan keputusan segera dari warden bertugas. Ini menyebabkan para warden harus

menerima kuasa atau pengupayaan dalam melaksanakan tugas mereka ini. Pengupayaan akan memastikan warden dapat bertindak dengan berkesan dan pantas (Yusoff et al, 2020).

Masalah disiplin juga turut sering berlaku didalam asrama (Shazlin & Hanafi, 2022). Tata cara pengurusan masalah disiplin di asrama ini perlu dipatuhi oleh warden agar ianya tidak memberikan kesan yang tidak harmoni di kalangan pelajar serta ibu bapa terhadap sekolah. Masalah disiplin harus diberikan fokus juga di sekolah. Pandangan mengatakan bahawa kecemerlangan akademik pelajar berkait rapat dengan kepatuhan pelajar terhadap disiplin di sekolah mahupun di asrama. Oleh itu warden sebagai pengganti ibu bapa pelajar di asrama seharusnya memastikan pelajar mematuhi kod etika dan disiplin di asrama (Nor Junainah et al, 2019). Pengurusan disiplin pelajar di asrama ini seharusnya mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Setiap tindakan dalam pengurusan disiplin ini seharusnya mengikut dan berdasarkan kepada tata cara urus tadbir yang baik dan berkesan. Ini agar dapat mengelakkan konflik yang berlaku di kalangan pemegang taruh di sekolah seperti ibu bapa, PPD, Jabatan dan KPM sendiri.

Oleh itu, warden seharusnya mempunyai kefahaman yang baik tentang tata cara pengurusan disiplin di asrama yang baik dan berkesan (Nor Junainah et al, 2019). Mereka harus bersedia dengan kemungkinan yang berlaku atas tindakan-tindakan disiplin yang telah dilaksanakan. Warden juga seharusnya diberi pengupayaan yang sepatutnya agar mereka mempunyai keyakinan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberi dengan baik dan berkesan (Mohd Isa et al, 2021). Warden yang diberikan pengupayaan juga akan menjadi komited kerana jelas dengan kuasa yang diberikan oleh pihak pengurusan sekolah.

Semoga kajian ini akan memberi informasi yang berguna kepada pihak sekolah berasrama yang lain serta warden. Informasi yang diperoleh ini boleh dijadikan rujukan untuk memperbaiki kelemahan tata cara pengurusan disiplin yang dihadapi serta membantu merangka perancangan strategi yang mantap untuk pengurusan disiplin di asrama yang berkesan

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Kesatuan Perkhidmatan Guru Kebangsaan Semenanjung Malaysia melalui Setiausaha Agungnya, Encik Harry Tan Huan Hock dari akhbar Berita Harian Online yang bertarikh 30 September 2020 mendedahkan bahawa warden sekolah berasrama penuh menghadapi beban tugas berat dan padat dari pagi hingga ke malam untuk memastikan keadaan murid terkawal dan berdisiplin di asrama. Selain daripada melaksanakan tugas warden, warden guru juga harus melaksanakan tugas hakiki mereka iaitu mengajar ketika dalam waktu persekolahan (Fakhrul et al, 2020). Selain daripada tugas sebagai warden dan guru, warden turut berperanan dalam membantu pelaksanaan program di bawah Bahagian Hal Ehwal Murid dan memegang jawatan-jawatan lain di sekolah sama ada dalam akademik mahupun ko kurikulum. Dengan kadar elaun yang masih rendah, warden menghadapi tekanan dan kehilangan motivasi (Al Lamare, 2022).

Warden juga turut berhadapan dengan risiko dalam melaksanakan tugas mereka. Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Harry Tan Huat Hock menyatakan warden mempunyai risiko untuk di saman oleh ibu bapa (Berita Harian Online, 2020). Warden perlu bersedia untuk menguruskan dan menghantar pelajar yang sakit ke hospital. Ada kalanya mereka terpaksa menggunakan kenderaan sendiri atas asbab kecemasan sekiranya pada waktu tersebut sudah lewat malam dan tiada lagi pemandu bertugas pada waktu tersebut. Ini akan mendedahkan risiko kepada warden sekiranya terjadi kemalangan. Namun sekiranya warden bertugas lewat bertindak pasti akan membahayakan tahap kesihatan pelajar yang sakit tadi. Di dalam satu artikel yang di siarkan oleh akhbar Metro Harian online bertarikh 3 April 2019, telah melaporkan satu kemalangan maut yang melibatkan guru menghantar pelajar ke pertandingan sukan di Kota Tinggi, Johor. Guru tersebut telah dihadapkan di mahkamah. Kejadian ini sudah pasti memberi dilema kepada warden dalam melaksanakan tugas menguruskan pelajar yang sakit.

Isu masalah disiplin pelajar juga turut membebankan warden. Kejadian seperti buli, pukul, kecurian sering berlaku didalam kawasan asrama (Razimi et al, 2020). Kebiasaannya, pelajar melakukan masalah disiplin di asrama pada waktu awal pagi sebelum subuh selepas warden melakukan rondaan. Warden di kalangan guru juga memerlukan rehat yang cukup untuk memastikan dapat mengajar dengan baik pada keesokan harinya. Sekiranya berlaku masalah disiplin di asrama maka warden akan dipersalahkan. Tidak kesemua warden di latih dengan sistematik tentang tata cara pengurusan disiplin. Apa-apa yang berlaku harus dilaporkan dahulu kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Pengetua untuk tindakan seterusnya. Masalah kerenah birokrasi ini sudah pasti memberi kesan terhadap tindakan yang perlu dilakukan (Nadzirah et al, 2021). Ini akan menyebabkan tindakan segera tidak dapat dilakukan dan pasti mengundang ke tidak puasan hati di kalangan ibu bapa pelajar yang terlibat.

Berdasarkan masalah-masalah di atas sudah pasti akan menjejaskan motivasi warden untuk berkhidmat dengan lebih baik dan berkesan. Dapatan kajian Nik Badrul Hisham bin Nik Ismail dan Mastura Mahfar (2015) mendapati motivasi guru dan warden berada pada tahap sederhana, justeru adalah dicadangkan kepada pihak pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dan khususnya Sekolah Berasrama Penuh agar memberi perhatian yang lebih terhadap elemen-elemen yang dapat meningkatkan motivasi guru. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan juga, dapatan menunjukkan bahawa gaya kepimpinan didapati mempunyai hubung kait dengan motivasi guru. Pengetua dan pentadbiran sekolah haruslah mempelbagaikan amalan gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan situasi dan keperluan guru dari masa ke semasa.

Oleh itu, pihak pentadbiran sekolah seharusnya memikirkan sesuatu yang mampu memberi semangat kepada warden-warden mereka (Siti Noor Ismail et al, 2021). Konsep pengupayaan guru boleh dilaksanakan di kalangan warden agar dapat membantu memotivasikan para warden untuk melakukan tugas mereka dengan komited (Sayedali et al, 2021). Selain daripada menyediakan suasana kerja dan suasana pengajaran serta pembelajaran yang kondusif, pengetua boleh meneliti segala cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh warden untuk sama-sama membantu menyelesaikan permasalahan tersebut (Liang Fei Shein, 2020). Pentadbiran sekolah juga boleh memberi semangat kepada warden mereka melalui penghargaan yang berbentuk material ataupun kata-kata pembakar semangat dan ini juga merupakan sebahagian dari konsep pengupayaan guru yang sebenar (Sayedali et al, 2021). Semoga usaha murni oleh pihak pentadbiran sekolah ini dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dinyatakan tadi.

ISU KAJIAN

Menurut Kamus Dewan edisi kedua (2008), pengurusan membawa maksud perbuatan atau hal mengurus sesuatu. Manakala tingkah bermaksud kelakuan atau gerak geri dan perkataan laku pula ialah cara membuat sesuatu, perangai atau tabiat. Definisi-definisi tersebut menjelaskan lagi maksud sebenar pengurusan tingkah laku yang merupakan salah satu perkara yang sangat penting dalam pengurusan pembelajaran yang berlaku di sekolah. Tingkah laku juga berkait rapat dengan disiplin dan peraturan yang mana kedua-dua perkara tersebut sangat penting dalam memastikan kesejahteraan para pelajar sepanjang keberadaan mereka di dalam premis sekolah (Pauzi & Mua azam Mohamad, 2019). Oleh itu, setiap sekolah mempunyai peraturan-peraturan yang tersendiri bagi mendidik para pelajar untuk sentiasa berdisiplin. Maka, pelajar dan peraturan sememangnya tidak dapat dipisahkan selagi mana mereka berada di dalam premis sekolah.

Walau bagaimanapun, sehebat mana pun peraturan yang dikuatkuasakan di sekolah ataupun asrama, tetap wujud pelbagai masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar. Peraturan-peraturan tersebut hanya berfungsi sebagai hiasan-hiasan dinding di sekolah semata-mata. Dalam hal ini, adalah menjadi persoalan adakah pemberitahuan mengenai peraturan-peraturan di sekolah ataupun asrama hanyalah sebagai syarat yang diperuntukkan oleh pihak atasan kepada pelajar-pelajar samata mata. Sekiranya dikaji perkara ini, sememangnya aspek pengurusan disiplin akan berkait rapat dengan banyak pihak tetapi pihak yang paling hampir dengan para pelajar tentunya ialah guru atau warden dalam konteks asrama.

Justeru itu, dalam konteks disiplin di asrama setiap masalah yang wujud perlulah diselesaikan daripada akar umbi iaitu apa-apa sahaja yang paling hampir dengan masalah tersebut. Oleh itu, para warden sebenarnya memainkan peranan penting dalam menguruskan tingkah laku para pelajar di asrama. Hal ini kerana tugas seorang warden tidak hanya terhad kepada mengawasi pelajar di asrama semata mata sebaliknya warden juga mempunyai peranan-peranan yang lain termasuklah menjadi guru dalam membentuk tingkah laku mereka. Sekiranya para guru mengamalkan sikap tidak peduli terhadap kepentingan menguruskan tingkah laku pelajar, maka tidak mustahil wujudnya kemungkinan bahawa masalah tingkah laku tersebut menjurus ke arah masalah yang lebih serius seperti kecurian, buli dan sebagainya (Etum, Mydin , & Abd Ghani , 2021).

Oleh yang demikian, bagi menyelami masalah ini dan mencari penyelesaian yang terbaik, maka para warden perlulah memahami tentang pengurusan disiplin pelajar. Tingkah laku yang sering mendatangkan kesan negatif merupakan tingkah laku bermasalah dan merupakan tingkah laku yang tidak normal atau juga dikenali sebagai abnormal behaviour, malah tingkah laku ini juga tidak selari dengan norma sosial masyarakat termasuklah sekolah (Atiqah, Nur Fatimah, & Syasya Aqilah, 2022). Jika dikaji secara mendalam, kesemua tahap keperluan Maslow adalah sangat berkaitan rapat dengan langkah untuk mewujudkan insan yang berkualiti dan berguna pada masyarakat. Perlu diingat bahawa sebagai guru, kejayaan seseorang pelajar memerlukan insentif dan ganjaran di rumah dan di sekolah. Jadi, sebagai warden mereka haruslah mengetahui peranan mereka dan mencari kaedah atau pendekatan supaya pelajar tidak mudah terlibat dalam masalah disiplin dan secara tidak langsung motivasi pelajar untuk belajar akan meningkat.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk memahami proses pengupayaan terhadap warden dalam melaksanakan tugas mereka di asrama. Bagi memenuhi tujuan tersebut, objektif kajian yang hendak dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti panduan-panduan yang digunakan untuk mengupayakan warden dalam menguruskan isu-isu disiplin di asrama
2. Melihat cabaran serta permasalahan yang dihadapi oleh warden di dalam menguruskan masalah disiplin di asrama
3. Mengetahui cara warden memastikan ibu bapa dan pelajar memahami kepentingan peraturan disiplin di asrama

KAJIAN LITERATUR


Pengupayaan Guru di Kalangan Warden

Pengupayaan guru di kalangan warden adalah satu usaha untuk memberikan kuasa autonomi dalam proses pengurusan di asrama. Melalui proses pengupayaan di kalangan warden ini akan dapat meningkatkan keyakinan mereka dalam melaksanakan tugas mereka di asrama. Pengupayaan guru ini sangat penting untuk dilaksanakan kerana ianya dapat membantu sistem pendidikan di negara kita agar terus berkembang. Sekolah yang memberikan pengupayaan dan autonomi kepada guru mereka khususnya warden dalam menguruskan hal ehwal asrama akan memberi impak yang baik dan berkesan kepada mereka sebagai pelaksana (Annaliza et al, 2022).

Warden akan lebih berkeyakinan dalam melaksanakan tugas mereka apabila diberi kepercayaan oleh pihak pentadbir. Perubahan sistem pendidikan yang kini berteraskan konsep pendidikan yang menyeluruh mengharuskan para guru untuk lebih mempunyai autonomi terbuka (Mohd Isa et al, 2021). Ini menunjukkan bahawa konsep pengupayaan guru ini harus dilaksanakan untuk berhadapan dengan sistem pendidikan yang makin mencabar ini. Yolcu dan Akar Vural (2020), mendefinisikan autonomi

sebagai kemampuan untuk menyuarakan pendapat seseorang individu serta kemampuan melaksanakan tindakan atas pilihan sendiri Ianya akan mewujudkan nilai yang baik seperti rasa kebertanggungjawaban kepada setiap individu didalam suatu organisasi.

Berdasarkan model pengupayaan guru oleh Short dan Reid (1992), terdapat enam elemen penting pengupayaan yang boleh dijadikan asas untuk mengupayakan peranan warden di sekolah. Setiap elemen boleh dijadikan sebagai panduan agar warden dapat melaksanakan tugas mereka dengan yakin dan berkesan. Keenam-elemen tersebut adalah seperti berikut:



Rajah 1 Model Pengupayaan Guru (Short & Rinehart, 1992)

Menurut Short dan Reid (1992), '*decision making*' atau membuat keputusan bermaksud penyertaan guru-guru di dalam membuat keputusan penting yang mempengaruhi kerja mereka. Bagi kalangan warden ianya melibatkan keputusan segera apabila berlaku sesuatu di asrama. Elemen kedua pula iaitu '*professional growth*' atau elemen pembangunan profesional iaitu proses untuk guru khususnya warden untuk membangunkan potensi diri, mempelajari sesuatu secara tetap dan untuk membangunkan kemahiran masing-masing melalui kursus-kursus khas yang disediakan. Bagi elemen '*status*' atau kedudukan pula merujuk kepada peranan dan kedudukan warden seharusnya diperjelaskan kepada umum agar mereka peranan mereka diiktiraf serta dapat memperoleh penghargaan dan penghormatan yang sepatutnya di terima dari rakan-rakan organisasi mereka.

Elemen seterusnya iaitu '*self efficacy*' atau efikasi sendiri merupakan proses untuk menyakinkan guru khususnya warden tentang kemampuan mereka. Ini akan menyebabkan mereka merasakan diri mereka telah diberi pengupayaan. Elemen '*autonomy*' pula menjelaskan bahawa guru khususnya warden perlu diberi ruang kebebasan agar dapat melaksanakan tugas mereka tanpa gangguan yang kerap daripada pihak pengurusan. Elemen terakhir pula iaitu '*impact*' merupakan kesan yang mungkin terjadi akibat proses pengupayaan ini sama ada memberikan kesan positif atau negatif. Oleh itu ianya perlu dikawal dan ditangani segera oleh pihak pengurusan melalui proses komunikasi yang harmoni.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif merupakan reka bentuk yang mendasari kajian ini. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk quasi-experimental. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menguji perbandingan kesan dalam pelbagai situasi, sementara teknik eksperimen sepenuhnya tidak dapat dilakukan (Neuman, 1991). Ianya akan digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian, soalan 1 hingga 4. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang amalan pengupayaan di kalangan warden serta tata cara pengurusan disiplin di asrama. Bahagian ini akan membincangkan metodologi kajian yang merangkumi sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan penganalisan data.

Oleh kerana kajian ini berbentuk kualitatif, kajian ini hanya menumpukan kepada dua orang sampel sahaja iaitu warden sendiri untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan. Sampel kajian merupakan warden senior dan warden baru di sekolah tersebut. Lokasi kajian melibatkan sebuah sekolah sahaja iaitu di Sekolah Berasrama di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah Kualitatif. Instrumen yang telah akan digunakan ialah soal selidik dan temu bual. Kajian perpustakaan juga turut digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini.

Kajian ini akan mendapatkan rujukan-rujukan atau maklumat tambahan yang berkaitan dari perpustakaan seperti artikel-artikel ilmiah, journal kajian serta keratan akhbar yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga akan mengadakan temu bual dengan sampel kajian kecil yang dipilih secara bertujuan iaitu dua orang warden dari Sekolah Berasrama Penuh X di Negeri Sembilan. Data berbentuk perkataan atau ayat yang dikumpul melalui temu bual akan di rekod dalam bentuk gambar atau video dan juga akan dibuat rumusan.

DAPATAN KAJIAN


Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Hasil dapatan diperolehi melalui analisis terhadap data temubual semi struktur. Jadual 4.1 menunjukkan data-data demografi peserta kajian. Beberapa maklumat peserta kajian yang dibincangkan ialah jantina, umur dan pengalaman menjadi warden.

Jadual 1: Maklumat Informan

Peserta Kajian	Jantina	Umur	Pengalaman menjadi warden
Warden 1	Lelaki	42 Tahun	15 Tahun 11 bulan
Warden 2	Lelaki	29 Tahun	4 Tahun 11 bulan

Panduan Pengurusan Disiplin di Asrama

Di bahagian ini, dapatan kajian lebih menumpukan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Data diperolehi daripada hasil temu bual. Hasil daripada analisis temubual, terdapat 3 tema yang muncul berkaitan panduan yang digunakan oleh warden dalam pengurusan di asrama. Tema-tema ini dapat membantu untuk menjawab kepada persoalan tentang panduan-panduan yang digunakan untuk mengupayakan warden dalam pengurusan isu-isu disiplin di asrama.



Rajah 2: Paparan tema bagi panduan yang digunakan untuk mengupayakan warden dalam menguruskan masalah disiplin di asrama

a. Mematuhi dokumen bertulis

Daripada analisis yang diperolehi warden 1 dan warden 2 menyatakan bahawa mereka perlu mematuhi buku peraturan dan surat pekeliling yang disediakan. Peraturan dan surat pekeliling ini mampu memberi pengupayaan kepada mereka melaksanakan tugas sebagai warden. Berikut merupakan pandangan mereka.

*“Dalam menguruskan dan menangani isu-isu disiplin aaa berkaitan di asrama, saya akan merujuk aaa kepada **buku aa peraturan sekolah** yang aaa sekolah bekalkan..”*

(TB-Warden 1)

*“Panduan yang digunakan adalah dengan merujuk kepada garis panduan aaaa yang telah termaktub dalam **buku peraturan sekolah**. Mmmmm segala tindakan yang hendak dilakukan perlulah bertepatan dengan kandungan yang termaktub dalam buku tersebut”*

(TB-Warden 2)

*“Aaaa selain itu juga saya merujuk kepada aaa **pekeliling ataupun surat siaran** yang telah dikeluarkan oleh pihak kementerian”*

(TB-Warden 1)

b. Mencontohi amalan sekolah lain

Warden 2 menyatakan bahawa beliau turut menjadikan sekolah lain yang berjaya menguruskan disiplin asrama dengan baik sebagai contoh dalam pelaksanaan tugas di asrama.

*“Tambahan pula, dengan menjadikan **sekolah-sekolah tertentu** yang dapat menangani kes disiplin dengan baik sebagai contoh untuk diterapkan di sekolah supaya isu disiplin dapat ditangani dengan baik”*

(TB-Warden 2)

c. Mencontohi amalan guru berpengalaman


Warden 2 juga turut menyatakan bahawa beliau turut mencontohi amalan guru yang berpengalaman dalam menguruskan hal-hal disiplin di asrama.

*“Mmmmm akhir sekali, panduan yang digunakan ialah aaaaa **mempelajari daripada guru-guru yang berpengalaman dengan menjadikan beliau sebagai contoh** untuk menangani permasalahan yang berlaku di asrama”*

(TB-Warden 2)

Cabaran dihadapi Oleh Warden Dalam Pengurusan Disiplin di Asrama

Bahagian seterusnya merupakan data kajian berkaitan persoalan kajian yang kedua. Tema-tema telah dikenalpasti melalui proses temu bual yang dijalankan. Terdapat 3 tema yang dikenal pasti seperti yang ditunjukkan didalam rajah dibawah.



Rajah 3 Paparan tema bagi cabaran yang dihadapi oleh warden dalam pengurusan disiplin di asrama

a. Campur tangan ibu bapa

Kedua-dua warden bersetuju bahawa tema ini merupakan cabaran utama yang dihadapi dalam pengurusan disiplin di asrama.

“Cabaran yang pertama datangnya dari pihak ibu bapa sendiri yang kadang-kadang terdapat ibu bapa ini terlalu memanjakan anak dan menyalahkan warden ataupun pihak sekolah aaaaa argue tentang hukuman-hukuman yang diberikan atas kesalahan anak-anak mereka.”

(TB-Warden 1)

“Antara cabaran yang dihadapi aaaa ialah tidak mendapat kerjasama baik daripada ibu bapa. Mmmmm Hal ini boleh dibuktikan apabila ibu bapa hanya mendengar dan percaya 100 peratus cakap anaknya sahaja aaaa dan menganggap orang lain hanya mereka cerita untuk memburukkan anaknya sahaja walaupun terbukti bahawa anaknya bersalah”

(TB-Warden 2)

b. Faktor perundangan

Kajian ini juga mendapati bahawa warden 1 berpendapat masih kurang jelas berkaitan undang-undang dan merasa tidak selamat dalam menjalankan tugas kerana tiada akta yang jelas dalam melindungi hak mereka. Ianya terbukti dengan berlakunya kes saman terhadap guru, warden dan pihak sekolah. Ini sedikit sebanyak akan merungsingkan warden dalam melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan.

“yang keduanya aaa.. kurangnya pengetahuan yang mendalam di kalangan warden dan juga pihak sekolah sendirilah berkaitan undang-undang”

“tiada akta yang melindungi aa.. warden dan guru-guru yang mana kita lihat terdapat banyak kes-kes menyaman pihak sekolah dan warden dan menyebabkan pihak sekolah dan pihak warden ini terganggu dan takut melaksanakan peraturan disiplin”

(TB-Warden 1)

c. Tingkah laku pelajar

Warden 2 juga menyatakan bahawa tingkah laku pelajar juga merupakan cabaran kepada warden dalam menguatkuasakan peraturan disiplin di asrama.


“..murid yang suka putar belit cerita aaaa yang terpesong daripada keadaan sebenar semata mata ingin menyelamatkan diri sendiri daripada kesalahan yang telah dilakukan olehnya.”

“..cabarannya juga aaaaa adalah apabila terdapat segelintir murid yang mengambil tindakan sendiri untuk menyelesaikan sesuatu masalah ketidakpuasan hati terhadap seseorang murid..”

(TB-Warden 2)

Cara Memastikan Pelajar dan Ibu Bapa Memahami Kepentingan Peraturan Disiplin di Asrama

Bahagian ini merupakan bahagian yang menjawab tentang soalan kajian 3. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat dua tema yang boleh menjawab kepada persoalan ini. Ketiga-tiga tema ini boleh dilihat seperti rajah dibawah.



Rajah 4 Paparan tema bagi cara memastikan pelajar dan ibu bapa memahami kepentingan peraturan disiplin di asrama

a. Taklimat disiplin

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua informan bersetuju bahawa taklimat disiplin adalah sangat penting untuk memberi kefahaman yang jelas kepada ibu bapa dan pelajar berkaitan peraturan disiplin di asrama.

*“..aaa membuat aaa **taklimat-taklimat, hebahan-hebahan didalam telegram** ibu bapa aa oleh pihak sekolah berkaitan aaa masalah disiplin yang sering terjadi di asrama dan taklimat dan hebahan ini boleh di buat aaa secara berkala..”*

(TB-Warden 1)

“Mmmm, antaranya melalui pengenalan umum kepada peraturan semasa pendaftaran murid apabila baru sahaja menjejakkan kaki ke sekolah asrama. Ibu bapa yang datang pada waktu tersebut juga akan diberikan penerangan dan sesi soal jawab..”

(TB-Warden 2)

Pada masa yang sama juga, warden 2 turut menekankan menerangkan tujuan-tujuan disiplin tersebut dilaksanakan.

... Mmmm, akhir sekali menyatakan kerelevanan bagi setiap peraturan yang ditetapkan untuk memastikan ibu bapa tidak semudah-mudahnya aa mempertikai dan memperlekeh peraturan yang ditetapkan..

(TB-Warden 2)

b. Peringatan bertulis

Kedua-dua informan juga menekankan tentang kepentingan peringatan bertulis dalam membantu memberi kefahaman tentang disiplin di asrama.

“.. pihak sekolah aa membekalkan buku-buku peraturan pada murid-murid dan ibu bapa untuk dibaca dan difahami..”

(TB-Warden 1)

“Selain itu, memastikan setiap murid membawa buku peraturan pada setiap masa supaya sekiranya murid tersebut melakukan sebarang kesalahan, maka murid tersebut akan ditunjukkan kesalahannya serta hukuman yang bersesuaian..”

(TB-Warden 2)

Warden 2 juga turut menekankan penggunaan papan tanda yang mengandungi maklumat-maklumat disiplin di asrama.

“Aaaa, tambahan pula dengan meletakkan ‘board’ yang mempunyai peraturan asas di setiap blok supaya murid cakna serta ibu bapa turut dapat melihat dengan jelas apabila berada di kawasan asrama..”

(TB-Warden 2)

PERBINCANGAN

Warden mempunyai tanggung jawab yang besar agar memastikan kehidupan pelajar di asrama berada dalam keadaan memuaskan kerana ia akan memberi kesan kepada sahsiah dan tingkah laku pelajar di sesebuah sekolah. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang diperolehi melalui kajian ini. Dapatan kajian ini seharusnya diberi perhatian oleh pihak berkenaan agar dapat memantapkan lagi tata cara pengurusan warden di asrama. Dapatan juga menunjukkan bahawa warden memerlukan ciri-ciri pengupayaan yang telah dinyatakan oleh Short dan Reid (1992). Warden yang ditemubual menyatakan bahawa mereka masih berhadapan dengan kekeliruan terhadap undang-undang serta idea dalam mengatasi cabaran yang dihadapi. Oleh itu elemen *‘professional growth’* atau perkembangan profesional diperlukan untuk menyediakan kursus-kursus khas yang diperlukan. Selain daripada itu juga warden harus diberikan keyakinan oleh pihak pengurusan untuk melaksanakan tugas selari dengan elemen *‘self efficacy’* yang dinyatakan oleh Short dan Reid (1992). Selain daripada itu juga, elemen-elemen lain di dalam model pengupayaan oleh Short dan Reid (1992) ini juga boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk memantapkan tata cara pengurusan warden.

Dapatan untuk persoalan kajian 1 dalam aspek panduan yang digunakan oleh warden dalam pengurusan disiplin di asrama, menunjukkan bahawa warden memerlukan panduan yang jelas agar tidak tersasar daripada tata cara pengurusan disiplin asrama yang sepatutnya. Ini juga akan dapat mengelakkan warden daripada dikenakan tindakan undang-undang akibat kekhilafan dalam

melaksanakan tugas. Cadangan pendekatan menjadikan sekolah yang mengamalkan pengurusan asrama terbaik serta memilih warden cemerlang dari sekolah-sekolah terpilih sebagai panduan kepada warden lain di yakini mampu membantu warden sedikit sebanyak memahami tata cara pelaksanaan tugas mereka secara berkesan.

Dapatan persoalan kajian 2 berkaitan cabaran-cabaran yang dihadapi warden ketika bertugas menunjukkan bahawa warden perlu diberikan sokongan dan bantuan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM harus bersama-sama untuk membantu warden sekiranya menghadapi cabaran atau masalah tertentu. Segala cabaran dihadapi perlu ditangani dengan baik agar tidak menjejaskan prestasi warden bertugas. Warden juga harus mendapat sokongan dari rakan sejawat di sekolah. 'Setiap guru disekolah adalah guru disiplin' perlu diterapkan kepada guru-guru lain disekolah agar dapat bersama-sama membantu warden menguatkuasakan tahap disiplin diasrama.

Dapatan persoalan kajian 3 pula menunjukkan bahawa warden mempunyai perancangan untuk meningkatkan tahap disiplin di asrama. Ini secara tidak langsung menunjukkan kesan proses pengupayaan terhadap mereka. Mereka memperoleh 'autonomi' untuk merancang sesuatu untuk kebaikan sekolah. Walau bagaimanapun, perancangan oleh warden ini perlu mendapat sokongan dari pihak sekolah serta pihak ibu bapa pelajar. Segala kos yang diperlukan untuk membantu kejayaan perancangan ini harus disediakan oleh pihak sekolah. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan tugas warden dan seterusnya menyuntik semangat kepada warden untuk terus berkhidmat dengan komited dan cemerlang.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan-dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa elemen pengupayaan warden dalam tata cara pengurusan disiplin pelajar di asrama amat penting bagi memastikan warden dapat menjalankan tugas dengan berkesan serta melahirkan pelajar yang berdisiplin dan berwatak. Ini selari dengan hasrat KPM untuk melahirkan kementerian murid yang berteraskan karamah insaniah. Oleh itu, warden yang diberikan pengupayaan juga akan menjadi komited kerana jelas dengan kuasa yang diberikan oleh pihak pengurusan sekolah. Diharapkan dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi input yang berguna kepada KPM dalam memperkasakan peranan warden di asrama. Maklumat yang diperoleh akan dapat membantu memperkasakan disiplin pelajar di sekolah berasrama. Pelajar yang mempunyai tahap sahsiah dan disiplin yang tinggi sudah pasti akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan pembelajaran mereka. Seterusnya akan membentuk kecemerlangan akademik di sekolah dan membantu sekolah untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh KPM. Selain itu juga, warden merupakan tonggak sekolah yang mempunyai peranan penting dan membantu sekolah dari segi pengurusan asrama yang berkesan. Dengan adanya maklumat ini akan dapat membantu pentadbir memahami serta membantu mencadangkan penyelesaian masalah para warden ini. Pentadbir boleh memikirkan tentang pemerkasaan proses pengupayaan kepada warden untuk membantu mereka dalam melaksanakan tugas mereka.

RUJUKAN

- Anney Zaharazilah Yunus (2012). Tahap Pengetahuan dan Amalan Pengurusan Disiplin Pelajar dalam Kalangan Guru Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Segamat. Universiti Teknologi Malaysia
- Atiqah, N., Nur Fatimah, & Syasya Aqilah. (2022). Behavior Management and Student Discipline at Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 81-88.
- Aurdine Sabrina Gon, J. I. (2020). Kepimpinan Karismatik Pengurusan Asrama dan Hubungannya dengan Kepuasan Pelajar Asrama di Daerah Sri Aman, Sarawak. *ICOFEA 2020 Conference Proceeding*, p 279-283.
- Banker, L. L. (2017). Job Embedded Teacher Leadership Training: A Study of Teacher Empowerment in an Elementary Public School District. *PHD Thesis, Caldwell University*.

- Banu, H. (2016). Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah di Klang, Selangor. *Journal Social Sciences And Humanities*.
- Bouwman, M. R. (2017). Fostering Teacher's Team Learning: An Interplay Between Transformational Leadership and Participative Decision-Making? *Teaching and Teacher Education*, 65, 71-80.
- Bronstein, P. (1994). Patterns of Parent-Child Interaction in Mexican Families: A Cross Cultural Perspective. *Behavioral Development*. 17(3). 423-469.
- Etum, S., Mydin, A., & Abd Ghani. (2021). Pengaruh Pengurusan Disiplin Sekolah, Tingkah Laku Buli Murid dan Estimasi Diri Murid Terhadap Kualiti Kehidupan Murid: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 303-312.
- Fakhrul Hezley Ismail, Z. N. (2020). Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak dan Kesannya terhadap Prestasi Pemain Bola Sepak Daerah Kuala Lumpur. *Journal Sains Sukan dan Pendidikan*, Vol 9, No 1, 47-61.
- Husain, M. A. (2022). *Isu Warden Asrama: Realitinya Sekarang*. Retrieved from Hive Editorial Team: <https://hive-educators.org/2022/05/19/151/>
- Low Zi Xin, F. M. (2020). Hubungan Antara Iklim Sekolah dan Efikasi Diri Dengan Komitmen Guru Novis Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol 4, No 2, 172-185.
- Majlis Keselamatan Negara (2023). *Pelajar Makin Terdedah Gejala Mental*. Diambil dari portal :<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/07/11/pelajar-makin-terdedah-gejala-mental/>
- Mohd Razimi Husin, I. H. (2020). Gejala Membuli dalam kalangan Pelajar Sekolah. *Journal of Humanities and Social Science*, Vol 2, No 1, 22-33.
- Nadzirah Mohd Fauzi, N. I. (2021). Faktor-Faktor Menyumbang Kepada tekanan Kerja di kalangan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Kulai, Johor. *Proceeding 8th International Conference on Management and Muamalah*, p 178-199.
- Nor Junainah Mohd Isa, M. S. (2019). Masalah Buli Dalam kalangan Murid : Apakah Kata Guru. *Journal Perspektif*, Jilid 2, bil 2, 1-14.
- Panagiotopoulos, G. P. (2019). Professional Development and Empowerment of Primary School Teachers. *European Journal of Training and Development*, 6 (4), 9-19.
- Pauzi, N., & Mua azam Mohamad. (2019). Hubungan Kepimpinan Guru Dan Gaya Pengurusan Disiplin Guru Sekolah Menengah Kebangsaan. *International Consortium of Education and Culture Research Studies*. Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Pauzi, N., & Mua azam Mohamad. (2019). Hubungan Kepimpinan Guru Dan Gaya Pengurusan Disiplin Guru Sekolah Menengah Kebangsaan. *International Consortium of Education and Culture Research Studies*. Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Raziah Tukiman, M. Y. (2022). Amalan Kepimpinan Distributif Pengetua Terhadap Autonomi Guru Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Sekolah Amanah di Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil 9, Isu 4 62-78.
- Ridzuan, Masri, Armand, & Razlina. (2018). Teori Maslow Dalam Konteks Memenuhi Keperluan Asas Pekerja dan Peranannya Dalam Meningkatkan Organisasi. *Jurnal Hadhari*.
- Rosly, F. A. (2020, September 30). *Tugas Warden Sekolah Berat dan Elaun Tak Setimpal*. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/736926/tugas-warden-sekolah-berat-elaun-tak-setimpal>
- Sayedali Ahrari, S. Z. (2021). Relationship Between Teacher Empowerment and Job Satisfaction: A Meta-Analytic Path Analysis. *Congent Education*, p 1-23.
- Shazlin Sulaiman, M. H. (2022). Hubungan Teori Bronfenbrenner Dalam pembentukan Disiplin Murid Berkeperluan Khas Pendengaran di Asrama SK Pendidikan Khas. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, Vol 2, Issue 3 p 113-127.
- Shin, L. F. (2020). Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pengetua dan Efikasi Diri Guru: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol 9, Issue 9 p 90-97.
- Siti Noor Ismail, W. R. (2021). Hubungan Antara Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dengan Motivasi Guru di Sekolah Menengah Harien Daerah Jeli. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJPEC)*, vol 6, Issue 42, p 14-29.
- Suhaini, N. A. (2019, April 3). *Guru Cedera, 3 Pelajar Maut Kemalangan*. Retrieved from Metro Online: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/440638/guru-cedera-3-pelajar-maut-kemalangan-metrotv>
- Thomas, S. (2017). Teacher Empowerment: A Focused Ethnographic Study in Brunei Darussalam. *The Qualitative Report*, 22(1), 47-72.
- Bouckenoghe, D. (2015). How Ethical Leadership Shapes Employees' Job Performance: The Mediating Roles of Goal Congruence and Psychological Capital. *Journal Of Business Ethics*, 129(2), 251-264.
- Halim & Ahmad (2015). Kepimpinan distributif, faktor kontekstual dan efikasi diri guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 57-61.